



Ezra





Published by the Comic Bible Society, LLC
Copyright © 2021

Kingstone Comics maintains copyright to this comic book as provided by United States copyright law.

Print and digital copies of this version may be freely distributed without penalty under a Creative Commons license.

PADA TAHUN 536 S.M. KORES, RAJA PERSIA
DAN PENAKLUK BABILONIA MENGELUARKAN
TITAH BERTULIS.

DENGAN INI BETA
MENITAHKAN BAHAWA ORANG-
ORANG YAHUDI DIBENARKAN UNTUK
PULANG KE YERUSALEM UNTUK
MEMBANGUN SEMULA BAIT
ALLAH MEREKA.

ORANG IBRANI
HARUS MEMBERI
SUMBANGAN DENGAN
SUKARELA KEPADA
TEMPAT BERIBADAT
INI.

DANIEL TELAH BERBAKTI SEBAGAI
PERDANA MENTERI KEPADA RAJA-RAJA
PERSIA DAN INI MEMUNGKINKAN
LAYANAN YANG BAIK DIBERIKAN
TERHADAP ORANG-ORANG YAHUDI.

RAMAI YANG MENYANGKA BAHAWA DANIEL TELAH
MENUNJUKKAN TULISAN SERTA NUBUATAN NABI
YESAYA YANG TERTULIS 200 TAHUN SEBELUMNYA.

AKU BERFIRMAN KEPADA KORES, "ENGKAULAH YANG AKAN MEMERINTAH
BAGI-KU; ENGKAU AKAN BERTINDAK MENURUT KEHENDAK-KU:
ENGKAU AKAN MEMBERIKAN PERINTAH UNTUK MEMBINA
YERUSALEM SEMULA, DAN UNTUK MELETAKKAN ASAS RUMAH-KU."



APA YANG TELAH DIAMBIL DARI ORANG-ORANG YAHUDI KE BABILONIA AKAN DIKEMBALIKAN KEPADA MEREKA KE YERUSALEM.



5,400 PERKAKAS EMAS DAN PERAK YANG DIKEMBALIKAN KEPADA ORANG-ORANG YAHUDI.



RAJA TELAH MELANTIK SESBAZAR
UNTUK MEMIMPIN PERJALANAN
PULANG KE YERUSALEM.



NAMUN, ORANG-ORANG YAHUDI MEMILIH
ZERUBABEL UNTUK MEMIMPIN MEREKA.

WALAUPUN BUKAN SEORANG
RAJA, BELIAU ADALAH
KETURUNAN RAJA DAUD




KEMASAKAN BARANG
BAWAAN KAMU DENGAN
RAPI. PERJALANAN KITA
AKAN MENGAMBIL
MASA 4 BULAN.



ALLAH TELAH MENYATAKAN KEPADA ORANG-ORANG
YAHUDI AKAN BERADA DALAM PEMBUANGAN DI BABILONIA
SELAMA 70 TAHUN KERANA KEINGKARAN MEREKA
TERHADAP HUKUM-HUKUM ALLAH.

SESUAI PERINTAH RAJA UNTUK MEMBINA
SEMULA BAIT ALLAH, SETELAH 70 TAHUN,
HAMPIR 30,000 ORANG-ORANG YAHUDI BERSIAP
SEDIA UNTUK MENINGGALKAN BABILONIA...



... 70 TAHUN
KEMUDIAN.



ALLAH
MAHAKUASA TELAH
MENURUTI
JANJINYA.

NENEK MOYANG
DAN KELUARGA KITA
BERADA DALAM
PEMBUANGAN DI BABILONIA
SELAMA 70 TAHUN KERANA
KEINGKARAN KITA.

SEKARANG...
KITA AKAN
TAAT.



APA YANG
HARUS LAKUKAN
SEKARANG?

KITA BINA SEMULA
KEDIAMAN DAN KOTA-KOTA
KITA DAN KITA AKAN
BERKUMPUL SEMULA
DI YERUSALEM.

KITA AKAN MEMBERIKAN
KORBAN DAN MENYEMBAH -
SEPERTI YANG ALLAH
TELAH TUNJUKKAN



JADI MEREKA MULA MEMBINA BALIK TEMPAT
TINGGAL MEREKA DAN MULA MENUNTUT
SEMULA HARTA NENEK MOYANG MEREKA.





DAN SETIAP ORANG
MEMBERI SEADANYA.



KITA MAHU ANAK-ANAK
KITA BERUPAYA BERIBADAT
DI SINI DAN MENGETRI
UNTUK TAKUT AKAN
TUHAN.



UNTUK MEMBINA SEMULA BAIT ALLAH,
UMATNYA MEMBERI 1,100 PAUN EMAS...

...DAN TIGA TAN PERAK



MEREKA MEMBAWA KORBAN PENYEMBAHAN
KEPADA ZERUBABEL DAN PARA PENATUA.

SEKARANG,
TUGAS INI BOLEH
BERMULA.

SETURUT JANJI MEREKA, UMAT ALLAH MEMBANGUN SEMULA BAIT ALLAH PADA BULAN KETUJUH. MEREKA BERKUMPUL MERAYAKAN PERAYAAN TAHUN BARU, HARI PENGAMPUNAN DOSA, DAN PERAYAAN PONDOK DAUN SEPERTI YANG DIPERHALKAN DALAM BUKU IMAMAT.

...SETELAH 70 TAHUN PERHIMPUNAN SEPERTI INI TIDAK DILAKUKAN.

ADA DUA PEMIMPIN YANG MENJADI RUJUKAN UMATNYA

YESUA DIAKUI SEBAGAI PEMIMPIN ROHANI.
DAN ZERUBABEL DILIHAT SEBAGAI PEMIMPIN MASYARAKAT.

DAN ZERUBABEL
DILIHAT SEBAGAI
PEMIMPIN
MASYARAKAT.

...BAIT SUCI
ALLAH.

UMAT ALLAH SEGERA MEMULAKAN PEMBINAAN BAIT SUCI SESUAI PERINTAH TUHAN YANG DIBERIKAN KEPADA MUSA.

SELAMA ORANG-ORANG YAHUDI DI BABILONIA, ORANG-ORANG ASYUR DAN RAJA-RAJA BABILONIA TELAH MEMBAWA RAKYAT KERJAJAN LAIN UNTUK MENDUDUKI YERUSALEM

MEREKA MEMPUYAI BUDAYA TERSENDIRI... DAN TUHAN MASING-MASING.

ORANG-ORANG INI BERTEKAD UNTUK MENGANGGU USAHA ORANG-ORANG YAHUDI.

ORANG-ORANG YAHUDI MERUPAKAN SUATU ANCAMAN KEPADA CARA HIDUP DAN KEBIASAAN MEREKA.

MEREKA INI DISUMPAH – SEBAB ITULAH ALLAH MEREKA MEMBUANG MEREKA DARI TANAH INI.

KORBAN BAKARAN INI AKAN MEMBAWA AMARAH PENDUDUK DI SINI – MEREKA JAUH LEBIH RAMAI DARI KITA.

KITA HANYA MELAKUKAN PERINTAH ALLAH – DIALAH YANG AKAN MENJAGA KITA.

MESKIPUN MEREKA TAKUT TERHADAP PENDUDUK NEGERI ITU, NAMUN MEREKA MEMBINA SEMULA MAZBAH ITU DI TEMPAT ASALNYA. SETELAH ITU MEREKA MULAI MEMPERSEMBAHKAN KORBAN UNTUK MENYENANGKAN HATI TUHAN, PADA WAKTU PAGI DAN PETANG.

ORANG-ORANG YAHUDI YANG BERKAHWIN CAMPUR SESAMA PENDUDUK ASING, BERANAK PINAK DAN KETURUNAN INI DIKENALI SEBAGAI ORANG-ORANG SAMARIA.

MEREKA PERCAYA KEPADA PANTANG LARANG DAN MENYEMBAH ALLAH ORANG IBRANI, SERTA TUHAN-TUHAN DARI NEGERI ASAL MEREKA.



KAMI INGIN MEMBANTU MEMBANGUN SEMULA BAIT SUCI ALLAH.

TIDAK - KAMU ORANG SAMARIA TIDAK MEMPUNYAI KAITAN DALAM HAL INI.

KAMI TIDAK MEMERLUKAN BANTUAN KAMU UNTUK MEMBINA RUMAH BAGI TUHAN, ALLAH KAMI. KAMI SENDIRI AKAN MEMBINANYA, SEBAGAIMANA YANG DIPERINTAHKAN OLEH RAJA KORES, RAJA PERSIA.



ORANG SAMARIA BERUSAHA UNTUK MENGGAGALKAN RANCANGAN ORANG YAHUDI DAN CUBA MEMUJUK PEGAWAI TEMPATAN UNTUK MENGIRIM SURAT TUDUHAN KE RAJA PERSIA.



ORANG YAHUDI YANG KEMBALI KE YERUSALEM SEDANG MEMBINA SEMULA KOTA YANG DERHAKA DAN JAHAT ITU.

"JIKA KOTA ITU DIBINA SEMULA DAN TEMBOKNYA DIDIRIKAN, PENDUDUKNYA MUNGKIN TIDAK MAHU LAGI MEMBAYAR CUKAI."

"PERIKSALAH ARKIB PARA NENEK MOYANG TUANKU DAN LIHATLAH PEMBERONTAKAN DAHULU."

NOTA BERSEJARAH: RAJA PARSİ TELAH MEMBUNUH SAUDARANYA SECARA RAHSIA UNTUK MENGUKUHKAN KEDUDUKAN KERJAANNYA.



BETA TIDAK AKAN MENGIZINKAN PEMBERONTAKAN.

UTUSKAN SURAT INI. USAHA ORANG YAHUDI INI HARUS DIBERHENTIKAN - SEGERA.

SEPERTI YANG DIPERINTAHKAN RAJA... PEMBINAAN BAIT ALLAH DIBERHENTIKAN... SELAMA 16 TAHUN



TETAPI ALLAH MENGUTUS NABI HAGAI,
ZAKHARIA DAN NABI-NABI LAIN UNTUK
BERBICARA KEPADA UMATNYA.

ALLAH BERKATA,
"HAI UMAT-KU, MENGAPA
KAMU TINGGAL DI DALAM
RUMAH MEWAH,
SEDANGKAN RUMAH-KU
MASIH RERUNTUHAN?"

"KEMBALILAH
KEPADA-KU, MAKA
AKU JUGA AKAN
KEMBALI KEPADA
KAMU."

"ENGKAU AKAN
BERJAYA BUKAN DENGAN
KEKUATAN TENTERA
ATAUPUN KEKUATANMU
SENDIRI, MELAINKAN
DENGAN ROH-KU."

TERDORONG OLEH KATA-KATA PARA NABI, ORANG IBRANI MULAI
MEMBANGUN SEMULA BAIT ALLAH... NAMUN INI MENDAPAT
PERHATIAN PIHAK KERAJAAN TEMPATAN.

SIAPA YANG
MELULUSKAN INI?

KAMI INI HAMBA ALLAH PENGUASA ALAM
SEMESTA DAN HANYA MENURUT PERINTAH
RAJA KORES YANG ADA TERTERA DALAM
ARKIB KERAJAAN DI BABEL.

MEREKA MENUNTUT
BAHAWA RAJA KORES
TELAH MENITAHKAN
PEMBANGUNAN INI DAN
TELAH MEMBENARKAN
ORANG YAHUDI UNTUK
KEMBALI KE KOTA
MEREKA.



INILAH
CATATANNYA.
TERDAPAT CAP MOHOR
RAJA KORES.



BENAR KATA
ORANG-ORANG YAHUDI
ITU. INI CATATAN ASLI DARI
TITAH RAJA AGUNG
KORES.



BETA, DARIUS
MENITAHKAN KEPADA
GABENOR TATNAI
DARI EFRAT BARAT.

BIARLAH
ORANG YAHUDI
MEMBINA SEMULA
RUMAH ITU.

PERBELANJAAN
MEMBINA RUMAH TUHAN
ITU HARUS DIBAYAR DENGAN
SEGERA DARI PERBENDAHARAAN
KERAJAAN

TIAP-TIAP HARI,
APA SAHAJAYANG
DIPERLUKAN MEREKA.
HARUS DIBERIKAN..

... SUPAYA MEREKA DAPAT
MEMPERSEMBAHKAN KORBAN YANG
DIPERKENANKAN ALLAH PENGUSAHA DI
SYURGA, DAN SUPAYA MEREKA BERDOA
KEPADA-NYA UNTUK MEMOHON BERKAT
BAGI BETA DAN PUTERA-
PUTERA BETA.

DENGAN SOKONGAN INI SERTA GALAKKAN
DARI NABI HAGAI DAN ZAKHARIA, ORANG YAHUDI
TELAH MENYELESAIKAN PEMBINAAN RUMAH ALLAH.





PADA TAHUN 457 S.M., LEBIH KURANG 50 TAHUN KEMUDIAN, RAJA YANG BARU BERTAKHTA DI PERSIA - RAJA ARTAHASTA. AYAHNYA, RAJA AHASYWEROS, TELAH MENIKAHI RATU ESTER DAN INI TELAH MEMPENGARUHI LAYANAN BAIKNYA TERHADAP ORANG YAHUDI.

DIA TELAH MENGUTUS EZRA, SEORANG IMAM DAN GURU, UNTUK MEMIMPIN KELOMPOK KEDUA, IAITU 5,000 ORANG YAHUDI UNTUK KEMBALI KE YERUSALEM



BERIKAN SURAT PERINTAH INI KEPADA EZRA SERTA EMAS DAN PERAK YANG DIPERLUKAN UNTUK MENYELESAIKAN PEMBANGUNAN RUMAH ALLAH DAN SEBAGAI KORBAN PERSEMBAHAN.



BETA, BERSAMA-SAMA TUJUH ORANG PENASIHAT BETA, MENGUTUS KAMU UNTUK MENYELIDIKI KEADAAN DI YERUSALEM DAN YEHUDA. PERIKSALAH SAMA ADA TAURAT ALLAH YANG TELAH DIAMANAHKAN KEPADAMU ITU BENAR-BENAR DITAATI.



LANTIKLAH PENTADBIR-PENTADBIR DAN HAKIM-HAKIM SUPAYA MEMIMPIN RAKYAT DI EFRAT BARAT, YANG HIDUP MENURUT TAURAT ALLAHMU.

EZRA MENGUMPULKAN SEMUA ORANG ITU DI PINGGIR SUNGAI YANG MENGALIR KE KOTA AHAWA, DAN KAMI BERKHEMAH DI SANA SELAMA TIGA HARI.

SAYA MENDAPATI BAHAWA DI KALANGAN MEREKA TIADA ORANG LEWI. HARUS ADA IMAM YANG BESERTA KITA

KITA JUGA MEMERLUKAN PARA PEKERJA RUMAH TUHAN.

BEBERAPA HARI KEMUDIAN...

SEKARANG SUDAH ADA ORANG-ORANG LEWI DI KALANGAN KITA. BUKANKAH SEBAIKNYA KITA MEMINTA PASUKAN BERKUDA DARIPADA RAJA?

PERJALANAN KE YERUSALEM AMAT MERBAHAYA - PENUH ANCAMAN PEROMPAK DAN PENYAMUN.

TIDAK, SAYA MENGISYTIHARKAN PUASA.

TUHAN AKAN MELINDUNGI KITA.

MARILAH KITA BERPUASA DAN BERDOA KEPADA ALLAH SELAMA 3 HARI.



TERLALU
BANYAK YANG
HARUS KITA
KERJAKAN.
TETAPI PERTAMA
SEKALI... MARILAH
KITA MENYEMBAH.



KAMI
MEMBAWA
KHABAR
BURUK...

RAKYAT ISRAEL, TERMASUK
PARA IMAM DAN ORANG LEWI
TIDAK MEMISAHKAN DIRI
DARIPADA BANGSA-BANGSA
YANG TINGGAL DI SEKITAR
MEREKA

ORANG LELAKI
YAHUDI TELAH
BERKAHWIN DENGAN
WANITA ASING.



EZRA 8:35-9:4

YA ALLAHKU, AKU
TERLALU MALU HENDAK
MENGANGKAT KEPALA
DI HADAPAN-MU. DOSA
KAMI BERSUSUN-SUSUN
DI ATAS KEPALA SEHINGGA
SAMPAI DI LANGIT.

BAGAIMANA MUNGKIN
KAMI MENGABAIKAN LAGI
PERINTAH-MU ITU, LALU
BERKAHWIN DENGAN ORANG
YANG JAHAT ITU?

KAMI MENGAKUI
DOSA KAMI. KAMI TIDAK
LAYAK MENGHADAP
HADIRAT-MU.



KAMI TELAH BERDOSA
TERHADAP TUHAN KERANA
BERKAHWIN DENGAN
PEREMPUAN ASING.



MARILAH KITA BERSUMPAH KEPADA
ALLAH BAHAWA KITA AKAN MENGUSIR
SEMUA PEREMPUAN ITU DAN
ANAK-ANAK MEREKA.



NOTA- INI MUNGKIN KEDENGARAN SANGAT KEJAM NAMUN IA
MERUPAKAN ALTERNATIF YANG JAUH LEBIH BERBELAS KASIHAN
DARIPADA MEREJAM SUAMI, ISTERI DAN ANAK-ANAK TERSEBUT
SEPERTI YANG DILAKUKAN DI ZAMAN KELUARAN.

DALAM MASA TIGA HARI,
SEMUA ORANG LELAKI YANG
TINGGAL DI KAWASAN YEHUDA DAN
BENYAMIN HARUS DATANG KE
YERUSALEM.

JIKA TIDAK, SEGALA HARTA
MILIKNYA AKAN DIRAMPAS, DAN
DIA TIDAK LAGI DIANGGAP
SEBAGAI ANGGOTA MASYARAKAT
ISRAEL.





KAMU TELAH
BERDOSA.

KAMU TELAH MENAMBAH
KESALAHAN ISRAEL KERANA
BERKAHWIN DENGAN
PEREMPUAN ASING.

AKUILAH DOSA KAMU
DI HADAPAN TUHAN,
ALLAH NENEK MOYANG
KAMU DAN LAKUKANLAH APA
YANG DIPERKENANKAN-
NYA.



BETUL
CAKAP TUAN!

TETAPI
TERDAPAT RAMAI
DI SINI-

BENARKAN TIAP ORANG YANG MEMPUNYAI
ISTERI BERBANGSA ASING UNTUK DATANG
MENGHADAP BERSAMA DENGAN PARA
PEMIMPIN DAN HAKIM KOTA MASING-MASING.
DENGAN CARA ITU ALLAH TIDAK AKAN
MURKA LAGI KEPADA KITA KERANA
PERKARA ITU.



DALAM MASA TIGA BULAN, URUSAN PENCERAIAN DAN KEPERLUAN
BAGI ISTERI DAN ANAK-ANAK YANG DICERAIKAN DILAKSANAKAN.



UMATNYA TAAT
AKAN HUKUM-HUKUM
ALLAH DAN TIDAK LAGI
BERKAHWIN DENGAN
ORANG ASING.

ALLAH AKAN
MEMBERKATI KETAATAN
MEREKA - DAN KOTA INI.



"THE BIBLE EXPLAINED
IN EVERY LANGUAGE."



SUPERBIBLE.TV